KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **14 April 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 14

# Bendung ketirisan, penyeludupan, tingkat keselamatan

## *Penugasan statik KPDN, PDRM di stesen minyak sempadan, berisiko tinggi - Armizan*

Oleh JOHN TAMBANAN

**KOTA KINABALU: Kerajaan memperkukuh strategi operasi bagi mengekang ketirisan dan penyeludupan bahan api apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 April lalu bersetuju memperluaskan penugasan statik anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di stesen minyak, sebagai pelengkap kepada kehadiran penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, langkah itu merupakan intervensi bersasar bagi meningkatkan tahap pemantauan serta penguatkuasaan, susulan peningkatan risiko penyelewengan bekalan petrol dan diesel yang dipacu krisis tenaga global akibat konflik di Asia Barat.

Menurut beliau, sejak 20 Mac 2026, KPDN telah melaksanakan penempatan berkala penguat kuasa di stesen minyak sekitar kawasan sempadan di seluruh negara sebagai langkah mitigasi awal.

"Berdasarkan pembentangan laporan Jawatankuasa Tertinggi Penyelarasan Antara Agensi Penguatkuasaan bagi Membanteras Ketirisan dan Penyeludupan (JT-PAP) dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terdapat keperluan mendesak untuk memperluaskan liputan pemantauan statik ke semua stesen minyak berhampiran sempadan serta kawasan berisiko tinggi," katanya.

Beliau berkata, penglibatan PDRM amat penting bagi menangani kekangan sumber manusia KPDN, di samping memastikan pemantauan lebih komprehensif terhadap status bekalan dan harga barangan, khususnya dalam landskap ekonomi yang semakin mencabar.

Dalam masa sama, Armizan memaklumkan krisis tenaga global turut memberi kesan rantaian terhadap bekalan makanan dan barangan, terutama yang bergantung kepada import, sekali gus menuntut kesiapsiagaan penguatkuasaan yang lebih dinamik dan responsif.

Bagi pelaksanaan, beliau berkata fasa pertama yang berlangsung dari 20 Mac hingga 10 April 2026 melibatkan 87 stesen minyak, manakala fasa kedua yang bermula minggu hadapan akan menambah 70 lagi stesen dengan penglibatan anggota PDRM.



ARMIZAN

"Kita akan terus menilai risiko serta keperluan peluasan dari semasa ke semasa. Perbincangan juga telah diadakan bersama Menteri Dalam Negeri bagi mempertimbangkan penglibatan sukarelawan RELA untuk memperkukuh pemantauan statik ini," katanya.

Langkah bersepadu ini dilihat sebagai pendekatan strategik kerajaan dalam memperkukuh keselamatan bekalan negara, sekali gus memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ops Tiris 4.0 Bersepadu

# Lebih 889,000 liter diesel, petrol bersubsidi diseleweng dirampas

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas sebanyak 865,205 liter diesel dan 24,408 liter petrol bersubsidi diseleweng dianggarkan bernilai RM11.1 juta sepanjang pelaksanaan Ops Tiris 4.0 Bersepadu bermula 16 Mac hingga kelmarin.

Selain itu, sebanyak 8,690 kilogram gas petroleum cecair (LPG) turut dirampas dalam operasi berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Fuziah Salleh, berkata seramai 68 individu ditahan dan diambil tindakan atas kesalahan penyelewengan serta manipulasi bahan api bersubsidi.

Katanya, KPDN melaksanakan sebanyak 13,759 pemeriksaan di stesen minyak di seluruh negara yang membawa kepada 239 kes kesalahan.

"Ops Tiris 4.0 Bersepadu membabitkan pelbagai agensi penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia bagi membanteras kegiatan penyelewengan dan manipulasi rantaian pengedaran bahan api," katanya.

Terdahulu, beliau melakukan tinjauan pematuhan larangan penjualan minyak dan pembelian petrol RON95 di sebuah stesen minyak di Kuala Ibai, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu, Mohd Mufsi Lat.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, KPDN akan terus mempergiat pemantauan dan penguatkuasaan di semua stesen minyak, khususnya di kawasan sempadan.

Katanya, operasi itu turut membabitkan kerjasama pelbagai agensi termasuk penguatkuasaan di darat oleh KPDN, di laut oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan di sempadan oleh PDRM.



Fuziah (dua dari kiri) beramah mesra bersama pengguna ketika melakukan tinjauan pematuhan larangan penjualan minyak dan pembelian petrol RON95 di Kuala Ibai, semalam. (Foto BERNAMA)

"Pemantauan turut menggunakan sistem berasaskan data bagi mengesan transaksi luar biasa secara masa nyata," katanya.

Mengulas isu meter pam yang didakwa terus merekodkan bayaran walaupun bekalan diesel habis, beliau berkata kejadian yang tular di media sosial itu hanya kes terpencil dan membabitkan bekalan daripada syarikat asing.

Katanya, isu berkenaan tidak membabitkan stesen minyak PETRONAS yang mendapat bekalan dalam negara.

"Setakat ini tiada isu kekurangan bekalan kerana kerajaan sudah mengambil langkah memastikan rakyat tidak terjejas," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 6

# KPDN rampas RM11 juta bahan api subsidi

**KUALA TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya merampas lebih RM11 juta bahan api bersubsidi dan barangan kawalan menerusi Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) yang dilaksanakan sejak 16 Mac lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, rampasan tersebut dilakukan menerusi 13,759 pemeriksaan di seluruh negara sehingga kelmarin.

"Ops Tiris 4.0 (Bersepadu) berkenaan berjaya mengesan 239 kes dengan seramai 68 individu ditangkap.

"Antara komoditi utama yang dirampas ialah diesel sebanyak 865,205 liter, petrol (26,408 liter) dan gas petroleum cecair (LPG) (8,690 kilogram)," katanya selepas meninjau pematuhan larangan penjualan dan pembelian petrol RON95 di sebuah stesen minyak di Tok Adis, di sini semalam.



**FUZIAH (dua dari kiri) beramah mesra dengan seorang pengguna di sebuah stesen minyak di Tok Adis, Kuala Terengganu semalam.**

Fuziah berkata, selain itu, barangan kawalan lain seperti minyak masak, gula dan tepung gandum turut dirampas.

Beliau berkata, rampasan tersebut mencerminkan komitmen berterusan KPDN dalam memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan bagi membendung ketirisan barangan kawalan.

"KPDN turut memperkasa inisiatif Kita Gempur bagi membanteras manipulasi dan ketirisan melalui pendekatan *whole-of-nation* (seluruh negara).

"Pengguna diseru untuk menyalurkan maklumat sekiranya terdapat aktiviti mencurigakan. Subsidi merupakan hak rakyat dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan ia tidak disalahgunakan," ujarnya.

Fuziah berkata, sebanyak 92 kes melibatkan nilai rampasan lebih RM19.02 juta direkodkan di Terengganu sejak 2023.

Beliau berkata, sebanyak 38 pemeriksaan telah dilaksana di Terengganu dengan lima kes direkodkan melibatkan nilai rampasan RM10,595 sejak awal tahun ini.

# KPDN records RM11 million in seizures through Ops Tiris 4.0

KUALA TERENGGANU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) recorded seizures amounting to RM11 million through Ops Tiris Bersepadu 4.0 carried out between March 16 and April 12, 2026.

Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Dr Fuziah Salleh said the seizures resulted from 13,759 inspections conducted nationwide, involving various commodities including diesel, petrol and controlled goods.

She said the operation also recorded 239 cases, with 68 individuals arrested for various offences.

"Ops Tiris Bersepadu 4.0 involves enforcement on land by KPDN, at sea and in waters by the Malaysian Maritime Enforcement Agency, and at the border by the Royal Malaysia Police (PDRM). This monitoring involves cooperation among various agencies, as well as the use of data-based systems to detect unusual transactions in real time.

"The seizure involved 865,205 litres of diesel, 26,408 litres of petrol and 26,408 kg of Liquefied Petroleum Gas (LPG). The remaining cases involved other commodities such as cooking oil, sugar and flour," she said after a compliance inspection on RON95 petrol sales and purchases at the Petronas Tok Adis Petrol Station here yesterday.

When asked about reports of diesel shortages at some petrol stations in several states which went viral on social media, Fuziah said the issue was an isolated case involving fuel supplies from foreign companies.

She said that for Petronas petrol stations supplied domestically, there was no issue of shortage or supply disruption, as the government had taken steps to ensure that the people were not affected.

"There was a statement from the distributor saying it was related to fuel supplies from outside or foreign companies. Sometimes they face minor challenges in terms of supply...occasionally deliveries are slightly slow," she said.

Meanwhile, Fuziah said that 368,911 vehicles had been approved under the Subsidised Diesel Control System from June 10, 2024 to March 30.

She said the government had maintained a subsidy rate of RM1.88 per litre for public transport and RM2.15 per litre for goods transport to ensure that the food supply chain and logistics were not affected, and to help control inflationary pressures.

"At the same time, KPDN continues to strengthen the Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketrisan (WE ARE WE) initiative by encouraging the active involvement of industry players and the community as strategic partners in efforts to combat leakage," she said. – Bernama




*Fuziah (second, left), said the seizures resulted from 13,759 inspections conducted nationwide, involving various commodities including diesel, petrol and controlled goods.*

TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 8

# Polis hanya fokus sempadan, bukan semua stesen minyak

**KUALA TERENGGANU** - Penempatan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membanteras ketirisan bahan api tidak melibatkan semua stesen minyak di seluruh negara, sebaliknya hanya tertumpu di kawasan pintu masuk sempadan dan lokasi berisiko tinggi.


FUZIAH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, langkah berkenaan merupakan strategi di bawah penguatkuasaan Op Tiris 4.0 (Bersepadu) bagi mengekang aktiviti penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi daripada dibawa lari ke negara jiran.

Menurutnya, buat masa ini penugasan anggota PDRM difokuskan di pintu masuk utama negara yang bersempadan dengan Indonesia, Thailand dan Singapura.

"Memang ada cadangan (untuk perluasan penempatan), namun ketika ini anggota PDRM hanya difokuskan di kawasan sempadan sahaja memandangkan terdapat kekangan jumlah anggota untuk ditempatkan di setiap stesen minyak.

"Menerusi Op Tiris 4.0 yang sedang rancak berjalan ketika ini, sememangnya sudah ada anggota polis yang melakukan kawalan di sempadan darat serta perairan yang dikenal pasti sebagai 'laluan panas' ketirisan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melakukan tinjauan pematuhan larangan penjualan dan pembelian petrol RON95 di Stesen Minyak Petronas Jalan Tok Adis di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, mengulas mengenai isu bekalan diesel, Fuziah menegaskan tiada gangguan bekalan secara menyeluruh dilaporkan di seluruh negara, kecuali melibatkan beberapa kes terpencil.

"Hasil pemantauan mendapati stesen Petronas tidak mengalami sebarang gangguan bekalan. Masalah (kelewatan) hanya dikesan di stesen minyak lain yang menerima bekalan daripada syarikat asing.

"Selain kelewatan penghantaran, terdapat juga segelintir pengusaha berdepan kekangan modal akibat harga diesel yang tinggi. Bagaimanapun, secara keseluruhannya bekalan untuk kegunaan rakyat tempatan masih mencukupi," jelasnya.

Beliau turut menyentuh mengenai aduan teknikal membabitkan pam minyak yang gagal berfungsi dengan baik sehingga menyebabkan meter berjalan walaupun minyak tidak keluar.

"Isu teknikal tersebut telah pun diperbetulkan serta-merta dan pihak pengusaha telah memulangkan semula bayaran kepada pengguna yang terjejas," katanya.

Sementara itu katanya KPDN merekodkan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM11,007,104.04 melibatkan bahan api bersubsidi dan barangan kawalan menerusi Op Tiris 4.0 (Bersepadu).

Lagi berita di muka 20 >>

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 11

# KPDN rampas bahan api bersubsidi RM11j

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas sebanyak 865,205 liter diesel dan 24,408 liter petrol bersubsidi dianggarkan bernilai RM11.1 juta sepanjang Ops Tiris 4.0 Bersepadu diadakan bermula 16 Mac hingga kelmarin.

Turut dirampas adalah 8,690 kilogram Gas Petroleum Cecair (LPG).

Timbalan Menteri KPDN, Datuk Fuziah Salleh berkata, seramai 68 individu ditahan dan diambil tindakan atas kesalahan melakukan penyelewengan dan manipulasi bahan bakar bersubsidi.

Katanya, KPDN melakukan 13,759 pemeriksaan di semua pam minyak di seluruh negara dan menghasilkan 239 kesalahan.

"Ops Tiris 4.0 membabitkan pelbagai agensi penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilaksanakan bagi mencegah kegiatan penyelewengan dan manipulasi rantaian pengedaran bahan api," katanya.

Terdahulu, Fauziah melakukan tinjauan pematuhan larangan penjualan minyak dan pembelian petrol 95 di stesen minyak di Kuala Ibai di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Fauziah berkata, KPDN akan terus mengaktifkan pemantauan dan penguatkuasaan di semua stesen minyak

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 9

# RM11mil in seizures recorded through Ops Tiris 4.0

**KUALA TERENGGANU:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) recorded seizures amounting to RM11mil through Ops Tiris Bersepadu 4.0.

Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Dr Fuziah Salleh said the seizures resulted from 13,759 inspections conducted nationwide, involving various commodities including diesel, petrol and controlled goods.

She said the operation, which was carried out between March 16 and April 12, 2026 also recorded 239 cases, with 68 individuals arrested for various offences.

"Ops Tiris Bersepadu 4.0 involves enforcement on land by KPDN, at sea and in waters by the Malaysian Maritime Enforcement Agency, and at the border by the Royal Malaysia Police. This monitoring involves cooperation among various agencies, as well as the use of data-based systems to detect unusual transactions in real time.

"The seizure involved 865,205 litres of diesel, 26,408 litres of petrol and 26,408 kg of liquefied petroleum gas. The remaining cases involved other commodities such as cooking oil, sugar and flour," she said after a compliance inspection on RON95 petrol sales and purchases at the Petronas Tok Adis Petrol Station here yesterday.

When asked about reports of diesel shortages in several states, which went viral on social media, Fuziah said the issue was an isolated case involving fuel supplies from foreign companies.

She added that for Petronas petrol stations supplied domestically, there was no issue of shortage or supply disruption, as the government had taken steps to ensure that the people were not affected.

"There was a statement from the distributor saying it was related to fuel supplies from outside or foreign companies. Sometimes they face minor challenges in terms of supply; occasionally, deliveries are slightly slow," she said, Bernama reported.

Meanwhile, Fuziah said 368,911 vehicles had been approved under the Subsidised Diesel Control System from June 10, 2024, to March 30 this year.

She said the government had maintained a subsidy rate of RM1.88 per litre for public transport and RM2.15 per litre for goods transport to ensure that the food supply chain and logistics were not affected, and to help control inflationary pressures.

"KPDN continues to strengthen the Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan initiative by encouraging the active involvement of industry players and the community as strategic partners in efforts to combat leakage," she added.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 14/4/2026

M/SURAT: 4

# Kerajaan pilih pendekatan seimbang atasi krisis tenaga

## Maklumat disampai secara telus tanpa cetus panik, rakyat perlu sedia hadapi kenaikan kos

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan mengambil pendekatan seimbang dalam menyampaikan maklumat berkaitan krisis tenaga global, iaitu secara berterus-terang dan pada masa yang sama mencuba sedaya upaya untuk menumpukan terhadap kebajikan rakyat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan berdepan cabaran besar dalam memastikan rakyat bersedia menghadapi kemungkinan kesan krisis itu tanpa mencetuskan panik atau sikap ambil mudah.

"Jadi, pendekatan kita ambil ialah berterus terang. Berkongsi maklumat. Ya, kita sedang menghadapi isu bekalan. Kita sedang menghadapi cabaran kenaikan harga.

"Kita tidak mahu rakyat panik, maknanya tak boleh ada denial syndrome (enggan mengakui realiti sebenar). Tak mahu juga rakyat ambil sikap *complacent, business as usual* (ambil mudah, tidak ada apa-apa yang berlaku). Ini cabaran," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulan Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini, semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah; Ketua Setiausaha KDN, Datuk Dr Awang Alik Jeman dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay.

### Usah terlalu selesa

Saifuddin Nasution berkata, kerajaan mahu rakyat memahami realiti yang sedang dihadapi tanpa menimbulkan kekeliruan atau tekanan yang tidak perlu dalam masyarakat.

Beliau menegaskan rakyat tidak wajar mengambil sikap terlalu selesa dalam berdepan situasi semasa, walaupun bekalan tenaga dalam tempoh terdekat masih mencukupi.

"Kita belum merasainya kerana bekalan bagi April, Mei dan Jun dilaporkan mencukupi.



Namun, jika konflik berterusan, kita perlu menjangkakan keadaan yang lebih mencabar.

"Cabaran kerajaan, khususnya dari segi komunikasi, adalah untuk mempersiapkan rakyat menerima hakikat bahawa kesukaran mungkin berlaku, namun pada masa sama kita tidak mahu mereka panik atau terlalu selesa," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, aspek kebajikan anggota yang bertugas di kawasan sempadan turut diberi perhatian, khususnya membabitkan kemudahan asas yang masih berada pada tahap kurang memuaskan.

"Saya melihat sendiri keadaan tempat bertugas anggota di lapangan yang kurang selesa.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin Nasution berkata, perlu memperincikan aspek penugasan dan perundangan yang mahu diguna pakai serta pasukan yang akan ditugaskan mengawasi stesen minyak berhampiran sempadan negara.

Katanya, perincian itu perlu berikutan tugas hakiki pasukan keselamatan itu tidak membabitkan pengawasan stesen minyak.

Beliau berkata, keperluan menempatkan pasukan polis di stesen minyak di sempadan seperti diputuskan minggu lalu berikutan premis berkenaan juga menjadi 'pintu' kepada aktiviti penyeludupan.

"Dalam keadaan sekarang, penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Ini kerana keputusan (Jemaah Menteri) baru minggu lalu, pihak polis akan ambil masa untuk mengatur gerak, kemudian kita turunkan pasukan kita untuk meningkatkan tugasan tambahan ini seperti mana arahan oleh Jemaah Menteri.

"Jadi, kita sukat (ukur) ikut keupayaan kita dengan SOP yang jelas supaya anggota yang ditugaskan tak samar-samar dari segi penugasan.

"Pertama, perhalusi dulu apa maksud penugasan, akta mana nak diguna pakai, pasukan mana yang kita nak atur gerak. Itu saya serahkan kepada pasukan polis," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pemikiran Baharu Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 5

# Teliti penugasan polis di stesen minyak

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diarahkan untuk memperhalusi mekanisme penugasan dan perundangan anggota khususnya bagi aspek penguatkuasaan di stesen minyak.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perincian itu penting berikutan tugas hakiki pasukan keselamatan itu sebagai pasukan kawalan keselamatan negara.

Beliau berkata, keperluan menempatkan polis di stesen minyak di sempadan berikutan premis berkenaan juga menjadi pintu kepada aktiviti penyeludupan.

Beliau berkata, buat masa ini, sebanyak 4,000 stesen minyak dikenal pasti beroperasi di sekitar sempadan negara.

"Bagaimanapun, kita bukan hendak jaga 4,000 stesen minyak. Kita hendak jaga 170 stesen minyak sahaja yang dekat dengan sempadan.

"Pertama, kita kenal pasti dahulu apa maksud penugasan. Akta mana mahu diguna pakai dan pasukan mana yang kita mahu tugaskan," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KDN semalam.



**"Pertama, kita kenal pasti dahulu apa maksud penugasan. Akta mana mahu diguna pakai dan pasukan mana yang kita mahu tugaskan."**

SAIFUDDIN NASUTION

Katanya, beliau juga mengesyorkan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) supaya mendapatkan nilai jualan minyak setiap stesen minyak berdekatan dengan sempadan.

Saifuddin berkata, jika nilai jualan di stesen minyak berkenaan meningkat secara tiba-tiba maka aspek penguatkuasaan perlu ditumpukan kepada stesen minyak berkenaan.

"Kalau nilai jualan itu mencanak tak masuk akal dan tidak munasabah maka fokus penguatkuasaan dibuat di situ terus.

"Itu maknanya kerja secara bijak berdasarkan data sedia ada dan data itu mesti dikongsi oleh kementerian yang berkenaan sebab tugas kita hanya membantu," katanya.

Katanya, aspek penguatkuasaan itu akan diteruskan selagi konflik dan krisis tenaga ini berlarutan dengan dengan penilaian dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan pemantauan di lapangan.

Jelasnya lagi, pelaksanaan operasi juga akan mengambil kira keupayaan semasa pasukan dengan berpandukan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas.

Ia bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kalangan anggota ketika menjalankan tugas di lapangan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 8

# PDRM perhalusi cara kerja, tugas anggota

**Penugasan anggota di stesen minyak sempadan perlu SOP jelas**



**Saifuddin Nasution ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan KDN Bagi Bulan April 2026 di Auditorium Setia Perkasa, Kompleks Setia Perkasa pada Isnin.**

**PUTRAJAYA** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) disaran memperhalusi kaedah kerja dan penugasan anggotanya di stesen minyak berhampiran sempadan negara, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Berucap pada Perhimpunan Bulan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini pada Isnin beliau berkata, memandangkan arahan mengenai penempatan anggota itu masih baharu, PDRM perlu menumpukan kepada keupayaan pasukan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas.

"...kerana keputusan (Jemaah Menteri) baru minggu lepas, pihak polis akan ambil masa untuk mengatur gerak, kemudian kita turunkan pasukan kita untuk meningkatkan tugasan tambahan ini seperti mana arahan oleh Jemaah Menteri.

"Jadi kita sukat (ukur) ikut keupayaan kita dengan SOP yang jelas supaya anggota yang ditugaskan tak samar-samar dari segi penugasan. Pertama, perhalusi dulu apa maksud penugasan, akta mana nak diguna pakai, pasukan mana yang kita nak atur gerak. Itu saya serahkan kepada pasukan polis," katanya.

Jemaah Menteri baru-baru ini mempersetujui syor menempatkan anggota polis di stesen minyak untuk memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan berikutan peningkatan risiko ketirisan bahan api akibat krisis tenaga global.

> Jadi kita sukat (ukur) ikut keupayaan kita dengan SOP yang jelas supaya anggota yang ditugaskan tak samar-samar dari segi penugasan."
>
> **- Saifuddin**

Ia sebagai peluasan kepada penempatan secara statik penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang dilaksanakan sejak 20 Mac lepas.

Dalam perkembangan lain, beliau turut mengarahkan penambahbaikan segera fasiliti anggota keselamatan yang bertugas di kawasan sempadan selepas mendapati keadaan kemudahan sedia ada kurang memuaskan.

Beliau berkata, terdapat pos kawalan dan tempat rehat anggota yang berada dalam keadaan daif dan tidak selesa walaupun mereka memainkan peranan penting dalam mengekang aktiviti penyeludupan.

"Kita ubah seperti mana kita ubah pos Wang Kelian. Belanja pun tak besar, yang itu kita segerakan untuk tunjuk bahawa kepimpinan di peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) ambil berat dan benda yang mudah macam tu kita selesaikan," katanya. - *Bernama*

Utusan Borneo online

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 7

# PDRM perhalusi cara kerja, penugasan anggota di stesen minyak di sempadan

**PUTRAJAYA:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) disaran memperhalusi kaedah kerja dan penugasan anggotanya di stesen minyak berhampiran sempadan negara, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Berucap pada Perhimpunan Bulan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini semalam, beliau berkata memandangkan arahan mengenai penempatan anggota itu masih baharu, PDRM perlu menumpukan kepada keupayaan pasukan dengan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas.

"...kerana keputusan (Jemaah Menteri) baru minggu lepas, pihak polis akan ambil masa untuk mengatur gerak, kemudian kita turunkan pasukan kita untuk meningkatkan tugasan tambahan ini seperti mana arahan oleh Jemaah Menteri.

"Jadi kita sukat (ukur) ikut keupayaan kita dengan SOP yang jelas supaya anggota yang ditugaskan tak samar-samar dari segi penugasan. Pertama, perhalusi dulu apa maksud penugasan, akta mana nak diguna pakai, pasukan mana yang kita nak atur gerak. Itu saya serahkan kepada pasukan polis," katanya.

Jemaah Menteri baru-baru ini mempersetujui syor menempatkan anggota polis di stesen minyak untuk memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan berikutan peningkatan risiko ketirisan bahan api akibat krisis tenaga global.

Ia sebagai peluasan kepada penempatan secara statik penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang dilaksanakan sejak 20 Mac lepas.

Dalam perkembangan lain, beliau turut mengarahkan penambahbaikan segera fasiliti anggota keselamatan yang bertugas di kawasan sempadan selepas mendapati keadaan kemudahan sedia ada kurang memuaskan.




**AMANAT: Saifuddin Nasution ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Bagi Bulan April 2026 di Auditorium Setia Perkasa, Kompleks Setia Perkasa dekat Putrajaya, semalam.** — Gambar Bernama

Beliau berkata terdapat pos kawalan dan tempat rehat anggota yang berada dalam keadaan daif dan tidak selesa walaupun mereka memainkan peranan penting dalam mengekang aktiviti penyeludupan.

"Kita ubah seperti mana kita ubah pos Wang Kelian. Belanja pun tak besar, yang itu kita segerakan untuk tunjuk bahawa kepimpinan di peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) ambil berat dan benda yang mudah macam tu kita selesaikan," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 20

# Aduan KPDN percepat kurangkan birokrasi SKPS - FOMCA


NUR ASYIKIN

**SHAH ALAM** - Pengguna disaran membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung kenaikan tambang bas dan van sekolah bagi membantu kerajaan mengurangkan kekangan birokrasi dalam pelaksanaan Skim Kawalan Petrol Subsidi (SKPS).

Bendahari Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, langkah itu penting memandangkan sektor pengangkutan pendidikan sepatutnya tidak terjejas kerana layak menerima subsidi.

"Isu sebenar ketika ini bukanlah semata-mata peningkatan kos bahan api, sebaliknya berpunca kesukaran pengusaha mendapatkan kemudahan kad fleet SKPS.

"Mungkin apabila kerajaan menerima aduan pengguna, langkah untuk mengurangkan kerenah birokrasi tersebut dapat dipercepatkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sebelum ini, Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Bas Sekolah Malaysia, Amali Munif Rahmat dilaporkan memaklumkan kira-kira 2,000 pengusaha bas sekolah berdaftar (van) dijangka terpaksa menaikkan kadar tambang mulai bulan depan susulan tekanan kos bahan api.

Beliau menjelaskan perkara itu disebabkan kelewatan menerima kemudahan kad fleet di bawah SKPS.

Nur Asyikin juga menegaskan proses permohonan dan kelulusan yang rumit menjadi kekangan utama kepada pengusaha sektor pengangkutan sekolah meskipun layak menerima kemudahan kad fleet di bawah SKPS.

"Sekiranya akses kepada kad fleet ini dipermudahkan, ia dapat membantu mengawal kos operasi dan seterusnya mengelakkan kenaikan tambang yang akhirnya membebankan ibu bapa sebagai pengguna.

"Kami berharap kerajaan dapat mengambil langkah segera bagi memastikan bantuan yang disasarkan benar-benar sampai kepada golongan layak selain mempermudah proses berkaitan," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar
HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 11

# ‘Where are our petrol fleet cards?’

## School bus operators still waiting after approval

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: Speed up the issuance of subsidised fuel fleet cards to eligible school bus operators, urges the Federation of Malaysian School Bus Associations, following delays that have persisted since January.

Its president Amali Munif Rahmat claimed that many members who are operating petrol-run school vans and qualify for the Subsidised Petrol Control Scheme have yet to receive their fleet cards despite applying months ago.

"Their applications have been approved but the cards have not been issued.

"Some have been waiting for nearly three months," he said in an interview yesterday.

Owing to the delay, Amali said those affected are forced to rely on their Budi95 subsidy quota of 200 litres a month and buy petrol at market rates once it is exhausted.

"If the delay continues until May, some operators may have no choice but to increase charges to cover costs."

Amali noted that rising operations costs are adding to the financial strain already felt by operators.

He added that the issue was further compounded by about 1,000 operators who are ineligible for the fuel subsidy, as their vehicles are operating on petrol and natural gas (NGV).

"These operators are now in the process of removing their NGV systems and re-registering their vehicles before they can apply again," Amali said, noting that the conversion process takes time and adds to costs.

On fare increases, Amali stressed that the association does not set fare prices because it contravenes competition laws.

"We can only advise, and each operator will decide based on their cost structure," he said.

There are about 2,000 such school bus operators nationwide, with the highest numbers in Penang, Johor and the Klang Valley.

Recently, school bus operators had also raised concerns over their 200-litre monthly subsidised RON95 quota, saying it fell short of actual usage of up to 800 litres due to multiple daily trips.

Amali warned the shortfall was forcing operators to absorb higher fuel costs, with some considering fare hikes to stay afloat.

On Saturday, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry said eligible operators could apply for subsidised fuel via the fleet card system.

Meanwhile, Amali said there is a growing reliance on unregistered private vehicles to ferry students.

He said this is because the number of school buses had declined from over 16,000 in 2010 to about 14,000 as of 2025, partly due to the Covid-19 pandemic.

"This gap has been filled by private vehicles," Amali said, estimating that there are about 100,000 such vehicles nationwide.

Many of them operate outside the regulatory framework, with some charging as much as RM400 per student, he added.

He called on the government to introduce a "whitening" programme to formalise these operators.

Amali said such a move would improve oversight and safety and help stabilise the industry while rejuvenating the ageing school bus fleet, many of which are more than 20 years old.




**Full tank:** School bus driver Zaratul Ain refuelling her school bus at a petrol station. — FAIHAN GHANI/The Star

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Govt staying pragmatic about fuel, supply risks

By YASMIN ABDUL LATIF
yasmin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The government will not downplay the risks of supply disruptions and rising fuel prices but will instead strike a balance between early warnings and avoiding alarm, says Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

The Home Minister said the government will prioritise public welfare and economic stability while continuing to share accurate information on potential pressures on prices and supply.

Saifuddin Nasution said a challenge for the government is the need to prepare the people to brace for any likely difficulty ahead.

"But we do not want the public to panic. At the same time, we also do not want the public to be complacent," he said at the Home Ministry's monthly assembly here yesterday.

It was reported that the US oil benchmark rebounded above US$100 a barrel after a lack of breakthrough in peace talks between the United States and Iran held in Pakistan.

On enforcement, Saifuddin Nasution said the authorities would adopt a more targeted approach to curb fuel smuggling, focusing on about 170 high-risk petrol stations near border areas out of more than 4,000 nationwide.

"We are not looking to monitor 4,000 petrol stations but to focus on 170," he said, adding that enforcement will be guided by data including sales volume obtained from the Finance Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Saifuddin Nasution said the restructuring of police operations will be done in phases with clear standard operating procedure, adding that petrol stations have become "gateways" for smuggling activities requiring multi-agency involvement.

He also ordered immediate upgrades to dilapidated security shelters at border posts, describing some as "like burger stalls, or even worse".

Saifuddin Nasution said the matter, identified during visits to Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Durian Burung and Pangkalan Hulu, must be resolved quickly to ensure personnel have proper facilities as the frontline of national security.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 14/4/2026
M/SURAT: 2

# Diesel smuggling ring busted in P'pang

**Hayati Dzulkifli**

KOTA KINABALU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sabah has busted a subsidised diesel misappropriation syndicate through an enforcement operation under Ops Tiris 4.0 conducted around here, recently.

Sabah KPDN Director Shahril Nizam Shahidin said the raid was carried out following intelligence gathering and close monitoring, focusing on a petrol station in Penampang after enforcement officers detected suspicious activity involving a four-wheel-drive Isuzu Trooper.

He said inspections found a local man in his 30s believed to be filling diesel beyond the permitted limit into an auxiliary tank of the vehicle.

"The act clearly violates the directive of the Supply Controller, which sets diesel filling limits according to vehicle categories at 50 litres, 100 litres and 150 litres per transaction.

"Further inspection also uncovered an Intermediate Bulk Container (IBC) tank with a capacity of 1,000 litres containing about 249 litres of diesel, believed to be intended for misappropriation," he said



A KPDN enforcement officer checks a fuel tank suspected of being filled beyond its limit.

in a statement here Monday.

Shahril added that enforcement officers also seized several other items, including the vehicle, purchase receipts, an electric pump, rubber hoses, and the IBC tank used in the activity.

He said the total value of the seized items is estimated at RM12,897.35, while the suspect and the petrol station operator will be investigated under the Control of Supplies Act 1961.

"If convicted, individuals may be fined up to RM1 million or jailed for up to three years, or both, while repeat offenders face fines of up to RM3 million or imprisonment of up to five years.

